

# AXCEL NASATAB SUSPENSION

Chlorpheniramine maleate / Pseudoephedrine hydrochloride / Paracetamol (2mg/30mg/250mg per 5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axcel Nasatab Suspension.
2. Bagaimana Axcel Nasatab Suspension berfungsi.
3. Sebelum menggunakan Axcel Nasatab Suspension.
4. Cara menggunakan Axcel Nasatab Suspension.
5. Semasa menggunakan Axcel Nasatab Suspension.
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Nasatab Suspension.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

## Apakah kegunaan Axcel Nasatab Suspension

Axcel Nasatab Suspension terdiri daripada kombinasi tiga jenis ubat; paracetamol, chlorpheniramine maleate, dan pseudoephedrine hydrochloride. Ia digunakan untuk melegakan simptom-simptom daripada masalah berikut:

- Sakit kepala.
- Demam dan sakit badan.
- Sinus dan kesesakan hidung yang berkaitan dengan sinusitis (radang sinus) atau selsema.

## Bagaimana Axcel Nasatab Suspension berfungsi

*Paracetamol* mempunyai kesan analgesik-antipiretik. Ia bertindak dengan menghalang isyarat sakit daripada sampai ke otak dan juga membantu meredakan demam. *Chlorpheniramine maleate* ialah antihistamina yang berfungsi dengan mengurangkan simptom alergi dengan menghalang sejenis bahan semulajadi (histamina) yang dihasilkan dalam badan semasa tindakbalas alergi.

*Pseudoephedrine hydrochloride* adalah sejenis dekongestan yang berfungsi dengan menyempitkan saluran darah dalam hidung untuk menambahbaik pengaliran udara dan mengurangkan kesesakan hidung.

## Sebelum menggunakan Axcel Nasatab Suspension

### Bila tidak boleh menggunakan:

Jangan menggunakan Axcel Nasatab Suspension jika:

- Anda mempunyai hipersensitif terhadap bahan-bahan aktif dalam produk ini.
- Anda menghidapi tekanan darah tinggi yang serius atau penyakit arteri koronari (penyakit jantung) yang serius.
- Jika anda mengambil perencat MAO (*monoamine oxidase inhibitor*), atau telah mengambil dalam tempoh 14 hari yang lepas.
- Ubat bukan dipreskripsikan oleh doktor yang bertauliah kepada anda.
- *Mengandung dan menyusukan bayi*  
Dapatkan nasihat daripada doktor anda sebelum mengambil sebarang ubat. Ia hanya boleh digunakan semasa mengandung atau menyusukan bayi selepas potensi manfaat mereka telah dipertimbangkan terhadap risiko.

Axcel Nasatab Suspension tidak boleh digunakan pada kanak-kanak kurang daripada 2 tahun. Gunakan dengan berhati-hati dan atas nasihat doktor pada kanak-kanak 2-6 tahun.

Penyediaan ini mengandungi Paracetamol. Jangan ambil apa-apa ubat-ubatan lain yang mengandungi Paracetamol pada masa yang sama. Paracetamol yang berlebihan boleh membahayakan hati. Ikut dos yang disyorkan.

### Sebelum mula mengguna

Sebelum anda mengambil Axcel Nasatab Suspension anda perlu memaklumkan kepada doktor anda:

- Jika anda alergi kepada ubat-ubatan, makanan dan pewarna.
- Jika anda menghidapi glaukoma sudut sempit (peningkatan tekanan dalam mata), pernah menghidapi asma bronkial, penyakit kardiovaskular (jantung dan saluran darah), kalenjar tiroid terlalu aktif, kencing

manis, tekanan darah tinggi, penyakit pembesaran prostat, halangan *pyloroduodenal* (halangan aliran keluar gastrik) atau halangan leher pundi kencing.

- Jika anda menghidapi gangguan fungsi buah pinggang atau hati atau mengambil ubat lain yang mempengaruhi hati.

### Jika mengambil ubat-ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan lain kerana ia mungkin berinteraksi dengan Axcel Nasatab Suspension, terutamanya:

- Antikoagulan oral (menghalang pembekuan darah)
- *Metoclopramide*.
- *Probenedic*.
- Depresi sistem saraf pusat termasuk alkohol, barbiturates, hipnotik, opioid analgesik dan sedatif anxiolytic.
- *Colestyramine*.
- MAOI (*monoamine oxidase inhibitor*)
- *Guanethidine* untuk tekanan darah tinggi.
- Ubat yang mengandungi paracetamol.

## Cara menggunakan Axcel Nasatab Suspension

### Berapa banyak harus digunakan

- Bagi dewasa dan kanak-kanak melebihi umur 12 tahun: 10 ml diambil 3 hingga 4 kali sehari.
- Bagi kanak-kanak berumur 6-12 tahun: 5ml diambil 3 hingga 4 kali sehari.
- Bagi kanak-kanak berumur 2-5 tahun: 2.5ml diambil 3 hingga 4 kali sehari.

### Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan masa yang sesuai untuk anda mengambil Axcel Nasatab Suspension.

### Berapa lama perlu digunakan

- Ambil ubat ini seperti yang dicatatkan di dalam risalah ini tanpa melebihi sukatan.

# AXCEL NASATAB SUSPENSION

Chlorpheniramine maleate / Pseudoephedrine hydrochloride / Paracetamol (2mg/30mg/250mg per 5ml)

- Ikut saranan dan nasihat dari doktor atau ahli farmasi tentang berapa lama anda perlu mengambil ubat ini.

## Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

## Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat anda, jika anda fikir anda atau sesiapa sahaja telah mengambil terlalu banyak ubat ini. Lakukan ini walaupun tidak ada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera.

Simptom-simptom terlebih dos termasuk:

- kepeningan, tinitus (bunyi di dalam telinga seperti bunyi berdering, berdengung dan berkerik), ataksia (kekurangan penyelarasan pergerakan otot), penglihatan kabur, mulut kering, muka kemerahan, simptom-simptom saluran gastrousus dan sawan.

Simptom-simptom yang mungkin berlaku dalam masa 24 jam pengambilan Paracetamol yang berlebihan termasuk rasa loya, muntah-muntah, lesu, dan berpeluh. Sakit perut boleh menjadi petunjuk pertama kerosakan hati. Kegagalan hati, *encephalopathy* (gangguan otak), koma, dan kematian boleh berlaku.

## **Semasa menggunakan Axcel Nasatab Suspension**

### Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Axcel Nasatab Suspension.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

### Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan ambil ubat ini melebihi dos yang disarankan dalam satu hari.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Axcel Nasatab Suspension dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

### Perkara yang perlu diberi perhatian

- Penyediaan ini boleh menyebabkan mengantuk dan kurang kewaspadaan mental. Berhati-hati ketika memandu atau mengendalikan mesin.
- Elakkan pengambilan alkohol.

### **Kesan-kesan sampingan**

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Nasatab Suspension boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan biasa berikut telah dilaporkan:

Kesan sampingan daripada antihistamina:

- Kelalian (sedasi).
- Keletihan.
- Kepeningan.
- Tekanan darah rendah.
- Kelemahan otot.
- Kekurangan penyelarasan gerakan otot.
- Gangguan gastro-usus.
- Sakit kepala.
- Penglihatan kabur.

- Tinnitus (bunyi di dalam telinga seperti bunyi berdering, berdengung, dan berkerik).
- Keriangangan atau kemurungan.
- Cepat marah.
- Tiada selera makan.
- Kesukaran membuang air kencing.
- Kekeringan mulut.
- Kesesakan dada.
- Tangan menjadi berat dan lemah.
- Distres epigastrik atau ruam kulit.

Kesan sampingan dari ejen simpatomimetik (Pseudoephedrine):

- Ketakutan.
- Kebimbangan.
- Kegelisahan.
- Menggeletar.
- Kesukaran tidur.
- Kekeliruan.
- Cepat marah.
- Keadaan psikotik.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers -> Reporting*).

## **Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Nasatab Suspension**

### Penyimpanan

Jauhkan Axcel Nasatab Suspension dari jangkauan kanak-kanak. Simpan pada suhu bawah 30°C. Pastikan bekas tertutup rapat dan dilindungi daripada cahaya.

### Pelupusan

Jangan guna Axcel Nasatab Suspension yang telah melepasi tarikh luput yang dicetak pada kotak.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

# AXCEL NASATAB SUSPENSION

Chlorpheniramine maleate / Pseudoephedrine hydrochloride / Paracetamol (2mg/30mg/250mg per 5ml)

---

## **Maklumat lanjut**

### Rupa dan warna produk

Axcel Nasatab Suspension adalah ampaian berwarna kuning keperangan dan berperisa mangga.

### Bahan-bahan kandungan

#### *Bahan Aktif:*

*Paracetamol, Chlorpheniramine Maleate dan Pseudoephedrine HCL.*

#### *Bahan-bahan Tidak Aktif:*

*Quinoline Yellow, Sodium Citrate Dihydrate, Citric Acid Anhydrous, Methylparaben, Propylene Glycol, Saccharin Sodium, Purified Water, Refined Sugar, Mango Flavour, dan Xanthan Gum.*

### Nombor MAL

MAL20112113A

## **Pengilang dan pemegang pendaftaran produk**

KOTRA PHARMA (M) SDN BHD  
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,  
Cheng Industrial Estate,  
75250 Melaka, Malaysia.

## **Tarikh kemaskini RiMUP**

11/01/2016

## **Nombor siri**

BPFK(R4/1)070116/00005